



KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA

penjana

Pelan Jana Semula Ekonomi Negara

BERSAMA MENJANA EKONOMI

Pelan Pemulihan Ekonomi Jangka Pendek
Jun - Disember 2020



Menuju Masa Depan yang Lebih Sempurna

Pada masa ini, kita hidup dalam keadaan mencabar ekoran penularan wabak COVID-19. Dalam menghadapi krisis yang sedang berterusan ini, Kerajaan menyedari cabaran yang dihadapi rakyat, perniagaan dan ekonomi secara keseluruhannya. Kerajaan telahpun dan akan terus mengambil tindakan bagi melindungi nyawa, menyokong perniagaan dan memperkukuh ekonomi negara.

Kerajaan telah mengupayakan negara menangani keadaan yang mencabar ini melalui 6 pendekatan utama: Ketegasan (*Resolve*); Ketahanan (*Resilience*); Memulakan Semula (*Restart*); Pemulihan (*Recovery*); Memperkasa (*Revitalise*); dan di peringkat akhir, Menyusun Semula (*Reform*).

Bermula dengan fasa Ketegasan yang menumpukan kepada usaha menangani penularan wabak COVID-19 dengan pelaksanaan PKP; disusuli dengan membina Ketahanan berpaksikan matlamat untuk melindungi nyawa dan kehidupan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN); dan pada awal Mei lalu kita telah melangkah masuk ke fasa Memulakan Semula ekonomi negara yang telah menyaksikan pembukaan sektor-sektor ekonomi secara terkawal dan teratur.

Di ambang fasa keempat, Kerajaan bertekad memastikan peralihan dari fasa Memulakan Semula ke fasa Pemulihan disempurnakan melalui inisiatif strategik yang akan memacu ekonomi negara terus ke hadapan.

Kerajaan kini memperkenalkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara atau singkatannya PENJANA. Kerajaan komited memastikan pendekatan yang inklusif dan holistik dalam usaha memulihkan ekonomi Malaysia. Kerajaan juga percaya bahawa setiap rakyat memainkan peranan yang penting untuk menjayakan usaha ini. PENJANA akan memberi fokus kepada 3 teras utama – Memperkasakan Rakyat, Melonjakkan Perniagaan, dan Merangsang Ekonomi.

Buku ini memperincikan inisiatif PENJANA. Insya-Allah, moga perjalanan kita menuju matlamat untuk menjamin masa depan Malaysia, diberkati.

YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin
Perdana Menteri Malaysia

penjana

Pelan Jana Semula Ekonomi Negara

Bersama Menjana Ekonomi



Menyokong ekonomi untuk beroperasi dalam kebiasaan baru melalui 3 teras



i

**MEMPERKASAKAN
RAKYAT**



ii

**MELONJAKKAN
PERNIAGAAN**



iii

**MERANGSANG
EKONOMI**

40 Inisiatif Asas

i Memperkasakan Rakyat

i-1	Program Subsidi Upah	ms 8
i-2	Menaik Taraf Portal Perkhidmatan Pekerjaan Negara	ms 9
i-3	Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan	ms 10
i-4	Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran	ms 11
i-5	Perlindungan Sosial dan Latihan bagi Pekerja Ekonomi <i>Gig</i>	ms 13
i-6	Insentif Pengaturan Kerja Fleksibel	ms 14
i-7	Subsidi Penjagaan Anak	ms 15
i-8	Subsidi Pengangkutan Awam MY30	ms 16
i-9	Bantuan Sosial bagi Golongan Mudah Terjejas	ms 17
i-10	Skim Kesihatan PEKA B40	ms 18
i-11	Perkhidmatan Internet untuk Pembelajaran dan Peningkatan Produktiviti	ms 19

ii Melonjakkan Perniagaan

ii-12	Kempen E-Dagang kepada Perusahaan Mikro dan PKS	ms 23
ii-13	" <i>Shop Malaysia Online</i> " bagi Penggunaan Dalam Talian	ms 24
ii-14	Penggunaan Teknikal dan Digital bagi PKS dan Syarikat di Peringkat Pertengahan (MTC)	ms 25
ii-15	Pusat Sehenti <i>MyAssist SME</i>	ms 26
ii-16	Pembiayaan PKS PENJANA	ms 27
ii-17	Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA	ms 28
ii-18	Pembiayaan Mikrokredit PENJANA	ms 29
ii-19	Pembiayaan Mudah Bumiputera	ms 30
ii-20	Skim <i>SME-Go</i> bagi Membantu Aliran Tunai PKS	ms 31
ii-21	Mempercepat Pembayaran untuk Rangkaian Bekalan GLC dan Syarikat Korporat	ms 32
ii-22	Potongan Cukai untuk Perbelanjaan berkaitan COVID-19	ms 33
ii-23	Sokongan untuk Meringankan Beban Kewangan Perniagaan	ms 34
ii-24	Melonjakkan Perusahaan Sosial	ms 35
ii-25	Memacu Penubuhan Perniagaan Baharu	ms 36

iii Merangsang Ekonomi

iii-26	Dana PENJANA Nasional	ms 39
iii-27	<i>National Technology and Innovation Sandbox</i>	ms 40
iii-28	Pendigitalan Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan	ms 41
iii-29	Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia	ms 42
iii-30	ePENJANA	ms 43
iii-31	Insentif bagi Sektor Hartanah	ms 44
iii-32	Insentif Cukai untuk Pembelian Kereta	ms 45
iii-33	Pelanjutan Waktu Perkhidmatan dalam Norma Baharu	ms 46

iii-34	Malaysia Sebagai Destinasi Pelaburan Pilihan	ms 47
iii-35	Sokongan Sektor Pelancongan	ms 48
iii-36	Sokongan bagi Sektor Seni, Budaya dan Hiburan	ms 49
iii-37	Sokongan Sektor Pertanian dan Makanan	ms 50
iii-38	Sokongan Sektor Komoditi	ms 51
iii-39	Rang Undang-Undang COVID-19 (Langkah Sementara)	ms 52
iii-40	Sukuk PRIHATIN	ms 53

Memperkasakan Rakyat



Pandemik COVID-19 adalah satu krisis yang unik. Ianya merupakan satu krisis kemanusiaan dan kesihatan global yang paling mencabar di dalam sejarah dunia. Untuk membendung wabak dan meratakan lengkung jangkitan virus ini, Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (MCO) selama hampir dua bulan, diikuti dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (CMCO) yang menandakan pembukaan semula ekonomi kita.

Sejak tiga bulan lalu, COVID-19 telah meninggalkan kesan mendalam kepada kehidupan dan mata pencarian rakyat Malaysia, dengan hampir 2 juta pekerjaan (~8% dari tenaga kerja) yang diunjurkan berisiko pada akhir tahun 2020. Tahap pengangguran diunjurkan lebih tinggi berbanding dengan Krisis Kewangan Global 2008/09 dan Krisis Kewangan Asia 1997/98. Oleh sebab itu, Malaysia perlu mengambil langkah berani bagi melindungi dan memperkasakan Rakyat di dalam jangka masa terdekat.

Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN yang diumumkan pada bulan Mac dan April 2020, Kerajaan telah berjaya melindungi lebih dari 2.4 juta pekerjaan. Dalam masa yang sama, kita juga berjaya menangani isu aliran tunai bagi kira-kira 11 juta rakyat Malaysia dari golongan B40 dan M40. Di samping itu, Prosedur Operasi Piawai (SOP) yang telah digubal untuk pelbagai sektor telah membolehkan pembukaan ekonomi secara beransur-ansur dan berhati-hati dari 4 Mei 2020, dan membolehkan lebih daripada 12.7 juta orang (~83.5% warga kerja) kembali bekerja. Namun, kita perlu terus berusaha untuk membuka semula sektor-sektor lain, terutama di dalam senarai terlarang, dan dalam masa yang sama menjamin keselamatan dan kesihatan pekerja dan Rakyat.

Di bawah norma baru, mengimbangi nyawa dan kehidupan bukanlah satu perkara yang mudah. Namun, keseimbangan itu amat penting untuk mengembalikan keyakinan pengguna, satu faktor utama untuk mendorong pertumbuhan dan menjana ekonomi.

Dalam memperkasakan *Rakyat*, langkah-langkah Kerajaan di bawah pelan Penjana bertujuan melindungi pekerjaan dan meningkatkan kemahiran, disamping memastikan rakyat mampu untuk berdikari. Selain dari perluasan langkah-langkah seperti insentif penggajian dan subsidi upah, peningkatan kemahiran dan latihan berterusan juga amat penting ke arah memastikan pekerja mengekal atau meningkatkan kemahiran mereka untuk memanfaatkan peluang semasa ekonomi beransur pulih.

Selain itu, norma baru yang disebabkan oleh COVID juga telah memaksa kita merombak semula cara kita bekerja dan berinteraksi. Oleh itu, Kerajaan juga sedar betapa pentingnya untuk membina sebuah ekosistem yang dapat membantu pekerja kembali bekerja, dan menyesuaikan diri dengan cara kerja yang baru. Ini termasuk memberikan insentif bagi penggunaan teknologi untuk memudahkan pembelajaran jarak jauh dan bekerja dari rumah. Dalam pada itu, anggota masyarakat yang mudah terkesan, seperti warga tua, orang kelainan upaya, pelajar di luar bandar, masyarakat B40 dan golongan terpinggir di kota akan terus dibantu untuk memastikan kesejahteraan mereka.

Dalam pada itu, sementara Kerajaan berusaha untuk memulihkan ekonomi negara, harapan kami agar langkah-langkah ini akan mampu memberi ketabahan kepada rakyat Malaysia untuk melewati saat-saat sukar yang belum pernah kita alami sebelum ini.

Program Subsidi Upah

OBJEKTIF

Menggalakkan pengekalan pekerja dan mengurangkan kehilangan pekerjaan melalui penambahbaikan program subsidi upah sedia ada

MANFAAT

2.7 juta pekerja

KUANTUM

RM5.3 bilion

JANGKAAN PELAKSANAAN

Mulai pertengahan Jun hingga akhir September 2020

Program subsidi upah akan **dilanjutkan** untuk semua majikan yang layak **selama tiga bulan** lagi dengan **kadar subsidi RM600 sebulan** bagi setiap pekerja

Program subsidi upah juga akan ditambahbaik seperti berikut:

- ▶ Membenarkan majikan untuk **melaksanakan pengurangan waktu bekerja mingguan** (contoh: bekerja 4 hari dalam seminggu) dan pengurangan gaji sehingga maksimum 30% dengan persetujuan pekerja
- ▶ Memberi kelonggaran kepada majikan untuk membenarkan pekerja **menerima subsidi upah** secara langsung bagi mereka yang telah **mengambil cuti tanpa gaji**, dengan syarat pekerja tersebut menerima subsidi upah secara langsung (bagi sektor pelancongan dan sektor yang tersenarai dalam aktiviti yang dilarang sepanjang tempoh PKPB)



Maklumat lanjut: www.perkeso.gov.my

Agensi peneraju:



Menaik Taraf Portal Perkhidmatan Pekerjaan Negara

OBJEKTIF

Menambah baik Portal Pekerjaan di PERKESO bagi memastikan padanan kerja

MANFAAT

50,000 pengangur

JANGKAAN PELAKSANAAN

Jangka masa panjang

Menambah baik Perkhidmatan Pekerjaan Kebangsaan di bawah PERKESO seperti berikut:

- ▶ **Memperkuh portal pekerjaan** dan padanan kerja
- ▶ **Kerjasama dengan portal pekerjaan swasta** untuk padanan kerja



Maklumat lanjut: www.perkeso.gov.my

Agensi peneraju:



Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan

OBJEKTIF

Menggalakkan pengambilan pekerja dengan menyediakan insentif kewangan kepada majikan

MANFAAT

300,000 pencari pekerjaan

KUANTUM

RM1.5 bilion

JANGKAAN PELAKSANAAN

Pertengahan Jun hingga akhir Disember 2020

Kerajaan akan memperkenalkan **insentif bagi menggalakkan pengambilan pekerja** seperti berikut:

- ▶ Golongan belia
 - Program perantis bagi graduan dan lepasan sekolah dengan pemberian elaun latihan sebanyak **RM600** sebulan selama 6 bulan
- ▶ Golongan penganggur:
 - Bawah umur 40 tahun: Insentif bagi menggaji golongan penganggur dengan elaun sebanyak **RM800** sebulan selama 6 bulan
 - Umur 40 tahun dan ke atas: Insentif bagi menggaji golongan yang menganggur dan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dengan elaun sebanyak **RM1,000** sebulan selama 6 bulan
 - Elaun latihan sebanyak **RM4,000** akan diberikan bagi mereka yang hilang pekerjaan dan bukan pencarum di bawah Skim Insuran Pekerjaan



Maklumat lanjut: www.perkeso.gov.my

Agensi peneraju:



Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran

OBJEKTIF

Meningkatkan kebolehpasaran bagi golongan penganggur melalui program latihan untuk mendapat kemahiran dan meningkatkan kemahiran

MANFAAT

200,000 belia dan golongan yang tiada pekerjaan

KUANTUM

RM2 bilion

JANGKAAN PELAKSANAAN

Pertengahan Jun hingga akhir Disember 2020

Dana sebanyak **RM2 bilion** akan diperuntukkan bagi melaksanakan program latihan dan peningkatan kemahiran bagi golongan belia dan penganggur.

Bagi **meningkatkan kebolehpasaran belia**, Kerajaan akan melaksanakan program seperti berikut:

- ▶ Menyediakan **dana padanan sehingga RM250 juta** untuk membiayai program latihan dan penempatan di samping lain-lain program peningkatan kemahiran dengan kerjasama Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)
- ▶ **Mengoptimumkan penggunaan institusi latihan kemahiran awam** seperti MARA, kolej komuniti, Institut Kemahiran Belia Negara dan institut latihan perindustrian di seluruh negara
- ▶ Menyokong Program Perbadanan Pembangunan Industri Sekuriti (SIDC) seperti program Perantis Siswazah Pasaran Modal, Skim Latihan Siswazah Pasaran Modal Islam dan **subsidi latihan sehingga RM3,500 bagi tempoh 6 bulan**

Maklumat lanjut: www.penjana.treasury.gov.my

Agensi pelaksana:



KEMENTERIAN SUMBER
MANUSIA MALAYSIA



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
MALAYSIA



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN
INDUSTRI MAKANAN MALAYSIA



KEMENTERIAN PENGAJIAN
TINGGI MALAYSIA



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
MALAYSIA



KORIDOR
UTARA
MALAYSIA



Suruhanjaya Sekuriti
Securities Commission
Malaysia



EAST
COAST
ECONOMIC
REGION



HRDF



SIDC

Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran (bersambung)

- ▶ Menyokong Latihan dan Pendidikan Profesional PROTÉGÉ di bawah Financial Industry Collective Outreach (FINCO) yang akan menyediakan **latihan dan pengalaman pekerja kepada sehingga 2,000 graduan menganggur**
- ▶ Memberi kelonggaran syarat bagi Skim PROTÉGÉ *Ready To Work* (PROTÉGÉ RTW)

Bagi **meningkatkan kemahiran untuk golongan penganggur**, Kerajaan akan melaksanakan program seperti berikut:

- ▶ **Kerjasama awam dan swasta** bagi meningkatkan kemahiran dalam industri seperti elektrik dan elektronik (E&E) serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi pelabur utama (melalui MIDA, pihak berkuasa koridor)
- ▶ Menggalakkan penganggur melanjutkan pelajaran terutamanya dalam **kursus jangka pendek di universiti tempatan**;
- ▶ Memperkasa **latihan keusahawanan** yang dijalankan dibawah institusi seliaan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta MARA; dan
- ▶ Memberi **subsidi latihan sehingga RM800** sebulan selama 6 bulan dengan mendaftar di SIDC



Maklumat lanjut: www.penjana.treasury.gov.my

Agensi pelaksana:



KEMENTERIAN SUMBER
MANUSIA MALAYSIA



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
MALAYSIA



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN
INDUSTRI MAKANAN MALAYSIA



KEMENTERIAN PENGAJIAN
TINGGI MALAYSIA



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
MALAYSIA



KORIDOR
UTARA
MALAYSIA



Suruhanjaya Sekuriti
Securities Commission
Malaysia



EAST
COAST
ECONOMIC
REGION



Perlindungan Sosial dan Latihan bagi Pekerja Ekonomi *Gig*

OBJEKTIF

Menggalakkan pertumbuhan ekonomi *gig* dan menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja ekonomi *gig* and meningkatkan peluang ekonomi *gig*

MANFAAT

30,000 pekerja dalam ekonomi *gig*

KUANTUM


RM75 juta

JANGKAAN PELAKSANAAN

Mulai Ogos 2020

Bagi menjamin **keselamatan sosial dan kebajikan golongan pekerja ekonomi *gig***, Kerajaan akan memperkenalkan langkah berikut:

- **Geran sejumlah RM50 juta dalam bentuk dana padanan** akan diperuntukkan bagi platform ekonomi *gig*, untuk pekerja yang mencarum di bawah **Skim Bencana Pekerjaan PERKESO** dan **Skim i-Saraan** di bawah **KWSP** dengan sumbangan caruman sehingga masing-masing RM162 dan RM250
- MDEC akan diperuntukkan sejumlah **RM25 juta** bagi program *Global Online Workforce* (GLOW). Program ini bertujuan untuk memperkasakan dan membimbing rakyat Malaysia sebagai pekerja digital bertaraf global bagi menjana pendapatan dalam talian



Maklumat lanjut: www.perkeso.gov.my • www.kwsp.gov.my • glowmalaysia.com

Agensi peneraju:



Insentif Pengaturan Kerja Fleksibel

OBJEKTIF

Menggalakkan pengaturan kerja dari rumah dengan menyediakan bantuan kepada majikan dan pekerja

MANFAAT

Pekerja yang bekerja dari rumah

KUANTUM

RM800 juta

JANGKAAN PELAKSANAAN

Mulai Jun 2020

Bagi menggalakkan amalan pekerjaan selaras dengan norma baharu, Kerajaan akan memberi insentif percukaian seperti berikut:

- ▶ Galakan **potongan cukai tambahan** akan diberikan ke atas perbelanjaan yang layak kepada majikan yang melaksanakan atau membuat penambahbaikan pengaturan kerja fleksibel sedia ada (mulai 1 Julai 2020)
- ▶ **Pengecualian cukai pendapatan sehingga RM5,000** kepada pekerja yang menerima manfaat dalam bentuk telefon bimbit, tablet, komputer riba, dan tablet daripada majikan (mulai 1 Julai 2020)
- ▶ **Pelepasan khas cukai pendapatan sehingga RM2,500** akan diberikan ke atas pembelian telefon bimbit, komputer dan tablet (mulai 1 Jun 2020)

Dengan pertambahan rakyat Malaysia yang bekerja dari rumah, PERKESO akan melindungi:

- ▶ Pekerja yang ditimpa kemalangan semasa menjalankan pekerjaan di rumah bawah Skim Bencana Kerja



Maklumat lanjut: www.hasil.gov.my • www.perkeso.gov.my

Agensi peneraju:



Subsidi Penjagaan Anak

OBJEKTIF

Meringankan beban ibu bapa yang bekerja ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dengan pemberian subsidi bagi perbelanjaan penjagaan anak

MANFAAT

8,000 pengendali taska, 5,000 isi-rumah dan 10,000 penjaga kanak-kanak baharu

KUANTUM

RM200 juta

JANGKAAN PELAKSANAAN

Mulai Jun 2020

Bagi memudahkan peralihan kepada norma baharu iaitu bekerja dari rumah, Kerajaan akan membantu ibu bapa melalui **subsidi dan insentif perbelanjaan perkhidmatan penjagaan anak** seperti berikut:

- ▶ Pemberian “**eBaucar**” bernilai **RM800** untuk mendapatkan perkhidmatan pengasuh mobil. eBaucar boleh dituntut sehingga penghujung Ogos 2020
- ▶ Menaikkan had **pelepasan cukai pendapatan individu** untuk yuran yang dibayar kepada pusat asuhan dan taman didikan kanak-kanak daripada RM2,000 kepada RM3,000 bagi tahun taksiran 2020 dan 2021

Selain itu, insentif untuk **menggalakkan pusat asuhan kanak-kanak mengamalkan norma baharu** dan pengiktirafan premis seperti berikut:

- ▶ **Geran secara one-off** sehingga **RM5,000** kepada **pengendali taska** yang berdaftar di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sehingga 31 Disember 2020 untuk memenuhi SOP penjagaan kesihatan baharu
- ▶ Insentif untuk **melatih pengasuh baharu** bagi penjagaan kanak-kanak dan kursus pendidikan awal di bawah KPWKM

Maklumat lanjut: ezi2care.jkm.gov.my

Agensi peneraju:



KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



Subsidi Pengangkutan Awam MY30

OBJEKTIF

Meringankan beban kos pengangkutan awam

MANFAAT

200,000 pengguna warganegara pengangkutan awam

KUANTUM

RM200 juta

JANGKAAN PELAKSANAAN

Mulai pertengahan Jun hingga hujung Disember 2020

Bagi **menggalakkan mobiliti dan mengurangkan beban kos pengangkutan**, Kerajaan akan:

- ▶ Memperkenalkan **pas perjalanan bulanan tanpa had** pada kadar **RM30** sebulan bagi penggunaan perkhidmatan rel (MRT, LRT, Monorel), BRT, bas RapidKL dan bas pengantara MRT di lembah Klang



Maklumat lanjut: www.myrapid.com.my

Agensi peneraju:



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA



AGENSI PENGANGKUTAN
AWAM DARAT MALAYSIA



Bantuan Sosial bagi Golongan Mudah Terjejas

OBJEKTIF

Meringankan beban golongan mudah terjejas seperti ibu tunggal dan OKU

MANFAAT

OKU, ibu tunggal dan NGO berkaitan

KUANTUM

RM108 juta

JANGKAAN PELAKSANAAN

Bermula dari Jun 2020

Bantuan sosial akan diberikan kepada golongan mudah terjejas seperti berikut:

- ▶ **Bantuan kewangan *one-off* bernilai RM300** bagi:
 - 190,000 OKU berdaftar;
 - 150,000 ibu tunggal (berpendapatan kurang daripada pendapatan garis kemiskinan) yang berdaftar dengan KPWK (pendaftaran baharu dibuka sehingga bulan Disember 2020)
- ▶ **Geran kepada NGO berkaitan** yang membantu kumpulan mudah terjejas
- ▶ **GLC PENJANA Komuniti** di mana GLC digalakkan terlibat secara langsung dengan komuniti setempat dan melaksanakan projek pembangunan sosio-ekonomi bersama komuniti



Maklumat lanjut: ezi2care.jkm.gov.my

Agensi peneraju:



KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



dengan kerjasama:

Skim Kesihatan PEKA B40

OBJEKTIF

Menyokong keperluan penjagaan kesihatan golongan berpendapatan rendah

MANFAAT

B40 berumur 40 dan ke atas

KUANTUM

RM50 Juta

JANGKAAN PELAKSANAAN

Bermula Jun 2020

Kerajaan akan menggandakan peruntukan peruntukan sedia ada program **PEKA B40** kepada **RM100 juta** untuk membiayai 4 kemudahan kesihatan kepada golongan B40 seperti berikut:

- ▶ Saringan kesihatan
- ▶ Bantuan alat perubatan
- ▶ Insentif rawatan kanser
- ▶ Insentif tambang pengangkutan bagi kesihatan



Maklumat lanjut: www.pekab40.com.my

Agensi peneraju:



dengan kerjasama:



Perkhidmatan Internet untuk Pembelajaran dan Peningkatan Produktiviti

OBJEKTIF

Menyokong aktiviti e-pembelajaran dan peningkatan produktiviti melalui penyediaan penyambungan internet percuma

MANFAAT

Semua pengguna

KUANTUM

RM3 bilion

JANGKAAN PELAKSANAAN

Pertengahan Jun sehingga akhir Disember 2020

Untuk memudahkan peralihan kepada norma baharu dalam pembelajaran dan pekerjaan, sokongan akan disediakan untuk **meningkatkan penyambungan internet** seperti berikut:

- ▶ **1GB percuma setiap hari dari jam 8 pagi sehingga 6 petang** untuk melayari laman web berkaitan pendidikan, produktiviti (aplikasi persidangan video) dan berita oleh syarikat telekomunikasi yang terlibat
- ▶ Penggunaan percuma tanpa had bagi aplikasi COVID-19 Kerajaan dan akses kepada laman web Kementerian Kesihatan dan lain-lain kementerian



Maklumat lanjut: www.penjana.treasury.gov.my

Agensi peneraju:



dengan kerjasama:



Melonjakkan Perniagaan



Perniagaan, tidak kira yang bersaiz besar, PKS, atau perniagaan mikro, telah terkesan dalam tempoh PKP ketika usaha memerangi COVID-19 semakin rancak. Dengan kebanyakan sektor ekonomi ditutup selama hampir dua bulan, perniagaan tidak dapat beroperasi yang memberi kesan kepada pendapatan dan saluran sumber kewangan. Impaknya adalah kebanyakan perniagaan, terutamanya PKS dan perusahaan mikro, menghadapi cabaran aliran tunai di mana pembayaran gaji dan sewa premis perniagaan sering dinyatakan sebagai antara dua kos utama.

Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN, Kerajaan menyokong perniagaan melalui beberapa langkah yang bertujuan untuk membantu mengekalkan pekerjaan serta meringankan cabaran aliran tunai. Ini termasuk Program Subsidi Upah, pengecualian sewa untuk premis perniagaan, dan juga fasiliti pinjaman kewangan seperti Fasiliti Kemudahan Khas atau *Special Relief Facility (SRF)*, dan juga pelbagai skim kredit-mikro. Beberapa langkah rangsangan ini masih berterusan.

Pembukaan semula ekonomi pada bulan Mei melihatkan peningkatan aktiviti ekonomi memandangkan semakin ramai telah pun mula kembali bekerja. Sehingga 2 Jun, jumlah ini melibatkan lebih 12.7 juta atau 83.5% pekerja. Walaubagaimanapun, beberapa sektor seperti pelancongan, hiburan dan sukan akan memerlukan masa yang lebih lama untuk pulih ekoran

tempoh penyesuaian bagi pengguna dan pengusaha dalam norma baharu ini.

Dengan peningkatan cabaran permintaan disebabkan keyakinan pengguna yang rendah, adalah penting untuk merangsang penggunaan memandangkan ianya menyumbang lebih 60% kepada ekonomi negara. Ketika tempoh PKP sahaja, 66% daripada perniagaan telah mengalami penurunan permintaan mendadak sehingga menyukarkan usaha mengekalkan pengoperasian. Sebaliknya pula, penggunaan e-dagang menjadi semakin popular berbanding kedai fizikal. Malangnya, 25% perniagaan tidak memiliki infrastruktur yang mencukupi untuk mengambil peluang memanfaatkan pertumbuhan aktiviti pembelian dalam talian.

Di bawah PENJANA, langkah-langkah akan diperkenalkan untuk membolehkan pekerja dan perniagaan mengekalkan operasi dan meningkatkan produktiviti secara beransur. Sokongan akan diberikan kepada perusahaan sosial untuk mempelbagaikan aktiviti ekonomi. Bantuan bersasar akan dilaksanakan bagi menjana sektor-sektor ekonomi yang paling terkesan, manakala inisiatif-inisiatif untuk meningkatkan keyakinan pengguna dan penggunaan akan dilancarkan. Tambahan juga, sokongan perniagaan melalui proses latihan dan pendigitalan akan menjadi semakin penting dalam usaha menyediakan mereka ke arah norma baharu.

Kempen E-Dagang kepada Perusahaan Mikro dan PKS

OBJEKTIF

Menggalakkan peralihan PKS dan PKS mikro kepada platform e-dagang bagi memperluaskan akses pasaran

MANFAAT

PKS dan PKS Mikro

KUANTUM

RM70 juta

JANGKAAN PELAKSANAAN

Jun hingga September 2020

PKS dan PKS mikro akan digalakkan **beralih kepada digitalisasi perniagaan** melalui program yang dibiayai bersama di antara kerajaan dan platform e-dagang. Platform e-dagang yang terlibat akan menyediakan kemudahan berikut kepada perusahaan yang layak:-

- ▶ Latihan *onboarding*
- ▶ Subsidi jualan
- ▶ Khidmat sokongan jualan

Pembekal makanan segar seperti petani dan nelayan turut digalakkan menyertai kempen ini.



Maklumat lanjut: www.penjana.treasury.gov.my

Agensi peneraju:



dengan kerjasama:



FASHIONVALET



Lazada



foodpanda



ZALORA

"Shop Malaysia Online" bagi Penggunaan Dalam Talian

OBJEKTIF

Bagi menggalakkan perbelanjaan rakyat secara dalam talian menerusi penggunaan e-baucar

MANFAAT

PKS dan perusahaan mikro sedia ada dalam talian

KUANTUM

RM70 juta

JANGKAAN PELAKSANAAN

Ogos hingga September 2020

Kerajaan akan **bekerjasama dengan penyedia platform e-dagang** untuk **membiayai bersama diskaun e-baucar** bagi menggalakkan pembelian (dalam talian) produk peruncit tempatan



Maklumat lanjut: www.penjana.treasury.gov.my

Agensi peneraju:



dengan kerjasama:



Penggunaan Teknikal dan Digital bagi PKS dan Syarikat di Peringkat Pertengahan (MTC)

OBJEKTIF

Membantu dan menggalak PKS dan MTC ke arah pendigitalan operasi dan saluran perdagangan

MANFAAT

PKS dan MTC

KUANTUM

RM700 juta

JANGKAAN PELAKSANAAN

Bermula Jun 2020

Kerajaan akan terus **memperuntukkan geran dan pinjaman kepada pengusaha yang layak** untuk mengamal atau melanggan perkhidmatan digitalisasi melalui program berikut :-

- ▶ Geran Padanan Pendigitalan PKS berjumlah **RM100 juta** dengan kerjasama syarikat telekomunikasi
- ▶ Pinjaman dari *SME Technology Transformation Fund* yang berjumlah **RM500 juta** (permohonan dibuka dari Julai 2020)
- ▶ Geran Automasi Pintar berjumlah **RM100 juta**, terhad kepada **RM1 juta untuk setiap syarikat**



Maklumat lanjut: www.mida.gov.my • mdec.my • smebank.com.my

Agensi peneraju:



Pusat Sehati *MyAssist* SME

OBJEKTIF

Menawarkan bimbingan dan membantu proses pemulihan perniagaan bagi PKS

MANFAAT
PKS


KUANTUM
RM5 juta

JANGKAAN PELAKSANAAN
Bermula Jun 2020

Sebuah **platform sehati yang menyediakan bimbingan perniagaan dalam talian** untuk PKS akan diwujudkan. Tujuannya adalah untuk meningkatkan akses kepada *SMEHub* yang sedia ada.

Perkhidmatan yang ditawarkan termasuklah **bimbingan** untuk:

- ▶ Kemudahan pembiayaan
- ▶ Kemudahan perdagangan
- ▶ Penjenamaan dan promosi
- ▶ Sokongan teknologi
- ▶ Perundangan



Maklumat lanjut: www.smecorp.gov.my

Agensi peneraju:



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN OPERASI

dengan kerjasama:



Pembiayaan PKS PENJANA

OBJEKTIF

Membantu PKS yang terkesan dengan COVID-19 untuk mengekalkan kelangsungan perniagaan

MANFAAT

Perniagaan dalam sektor yang amat terkesan

KUANTUM

RM2 bilion

JANGKAAN PELAKSANAAN

Pertengahan Jun 2020

Sektor perbankan akan menawarkan dana tambahan sebanyak RM2 bilion pada kadar konsesi 3.5% untuk membantu PKS yang terkesan daripada COVID-19. Had maksimum pembiayaan ini adalah sehingga RM500,000 bagi setiap PKS. Bank perlu memberi keutamaan kepada PKS yang belum pernah mendapat pinjaman daripada bank tersebut.



Untuk maklumat lanjut, sila rujuk di laman web bank masing-masing

Agensi peneraju:



KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA

Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA

OBJEKTIF

Membiayai inisiatif transformasi oleh PKS dalam sektor pelancongan untuk memastikan kelangsungan dan daya saing dalam norma baharu

MANFAAT

Sektor pelancongan

KUANTUM

RM1 bilion

JANGKAAN PELAKSANAAN

Bermula Julai 2020

Menyediakan **kemudahan pembiayaan** untuk sektor pelancongan seperti berikut:

- Untuk membantu sektor pelancongan, Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA bernilai RM1 bilion akan disediakan untuk membiayai inisiatif transformasi oleh PKS dalam sektor pelancongan agar terus berdaya maju dan berdaya saing dalam era norma baharu. Perincian dana ini akan diumumkan pada bulan Julai 2020



Maklumat lanjut: www.bnm.gov.my

Agensi peneraju:



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pembiayaan Mikrocredit PENJANA

OBJEKTIF

Menyokong PKS dan PKS mikro melalui program pembiayaan

MANFAAT

PKS dan PKS mikro

KUANTUM

RM400 juta

JANGKAAN PELAKSANAAN

Bermula Jun 2020

Sokongan pembiayaan khas untuk PKS dan PKS mikro melalui:

- ▶ Program pembiayaan baru untuk PKS dan PKS mikro dengan kadar **3.5%**
- ▶ Setiap perusahaan layak memohon pinjaman maksimum sehingga **RM50,000**
- ▶ **RM50 juta** dikhususkan untuk usahawan wanita



Maklumat lanjut: www.tekun.gov.my • www.mybsn.com.my

Agensi peneraju:



Pembiayaan Mudah Bumiputera

OBJEKTIF

Memastikan kelangsungan usahawan Bumiputera melalui sokongan kewangan

MANFAAT

Usahawan Bumiputera

KUANTUM

RM500 juta

JANGKAAN PELAKSANAAN

Bermula Jun 2020

PUNB akan memberikan Pembiayaan Mudah Bumiputera berjumlah **RM200 juta khas untuk perniagaan milik Bumiputera** dalam bentuk:

- ▶ Modal kerja
- ▶ Perbelanjaan operasi
- ▶ Automasi sistem
- ▶ Peralatan dan perbelanjaan untuk melaksanakan amalan penjarakan sosial seperti alat perlindungan diri
- ▶ Kemudahan pembiayaan sebanyak RM 100,000 - RM 1 juta bagi tempoh sehingga 5 tahun pada kadar faedah 3.5% setahun. Moratorium sehingga 6 bulan dari tarikh pengeluaran.

Melalui MARA, Kerajaan juga akan memperuntukkan:

- ▶ **Pinjaman modal kerja** berjumlah RM300 juta untuk membantu usahawan Bumiputera yang terjejas termasuk kolej latihan.
- ▶ **Maksimum jumlah pinjaman adalah RM1 juta** dengan kadar faedah 3.5% setahun



Maklumat lanjut: www.punb.com.my • www.mara.gov.my

Agensi peneraju:



Skim *SME-Go* bagi Membantu Aliran Tunai PKS

OBJEKTIF

Menyediakan pembiayaan kepada kontraktor kecil bagi memulakan pelaksanaan projek-projek Kerajaan

MANFAAT

Kontraktor PKS

KUANTUM

RM1.6 bilion

JANGKAAN PELAKSANAAN

Bermula Julai 2020

SME Bank akan menyediakan kemudahan pembiayaan kepada kontraktor dan vendor yang dianugerahkan **projek-projek kecil kerajaan (nilai keseluruhan sebanyak RM 4 bilion)** di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) 2020 dan pakej rangsangan PRIHATIN.

- ▶ Skim ini akan memberi manfaat kepada 16,000 kontraktor kelas G2 dan G3
- ▶ Tidak memerlukan deposit atau cagaran
- ▶ SME Bank akan membayar terus kepada kontraktor dan vendor berdasarkan penyampaian bukti invois / tuntutan



Maklumat lanjut: www.smebank.com.my

Agensi peneraju:



Mempercepat Pembayaran untuk Rangkaian Bekalan GLC dan Syarikat Korporat

OBJEKTIF

Meringankan aliran tunai PKS dengan menggalakkan GLC dan Syarikat Korporat menyegerakan bayaran kerja

MANFAAT

PKS dan vendor kepada GLC dan Syarikat Korporat

JANGKAAN PELAKSANAAN

Bermula Julai 2020

Bagi meringankan beban **aliran tunai PKS**, Kerajaan menyeru syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan korporat supaya **mempercepatkan process bayaran**.

Beberapa GLC dan syarikat korporat telahpun memberi komitmen untuk mempercepatkan bayaran kepada vendor mereka:

- ▶ Axiata dan TM memendekkan tempoh bayaran kepada vendor mereka dari 45 hari kepada 14 hari
- ▶ TNB memproses bayaran dalam tempoh 7 hari
- ▶ PETRONAS melancarkan Program Pembiayaan Vendor dengan kerjasama sembilan buah bank untuk mengurangkan tempoh verikasi dan pengesahan bayaran. PETRONAS turut mengambil langkah yang bersesuaian bagi membantu alir tunai vendor mereka kekal utuh.

Maklumat lanjut: www.penjana.treasury.gov.my

Agensi peneraju:



KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA



Potongan Cukai untuk Perbelanjaan berkaitan COVID-19

OBJEKTIF

Menggalakkan perniagaan bagi mengamalkan norma baharu dan menepati SOP melalui potongan cukai

MANFAAT

Semua perniagaan

KUANTUM

RM600 juta

JANGKAAN PELAKSANAAN

Serta-merta

Melanjutkan tempoh dan meluaskan skop perbelanjaan yang layak untuk **potongan cukai atau elaun modal bagi mencegah COVID-19** iaitu:

- ▶ Kos ujian saringan COVID-19
- ▶ Perbelanjaan bagi PPE dan pengimbas suhu



Maklumat lanjut: www.hasil.gov.my

Agensi peneraju:



Sokongan untuk Meringankan Beban Kewangan Perniagaan

OBJEKTIF

Meringankan tekanan kewangan terhadap perniagaan melalui penghapusan penalti yang berkaitan dengan pembayaran cukai lewat

MANFAAT

Semua Sektor

KUANTUM

RM 2.4 bilion

JANGKAAN PELAKSANAAN

Bermula Mac 2020

Meringankan beban kewangan perniagaan melalui:

- ▶ Pemberian **remisi penalti sebanyak 50%** kepada syarikat atau pengilang berdaftar yang lewat membuat pembayaran cukai jualan atau cukai perkhidmatan bermula 1 Julai 2020 hingga 30 September 2020
- ▶ **Pelanjutan pemberian potongan cukai khas** untuk perbelanjaan pengubahsuaian dan pembaharuan premis perniagaan yang layak sehingga 31 Disember 2021
- ▶ **Pelanjutan elaun bagi modal dipercepatkan** bagi perbelanjaan ke atas mesin dan peralatan termasuk peralatan ICT hingga 31 Disember 2021
- ▶ **Pelanjutan potongan cukai khas bersamaan 30% bagi pengurangan sewa premis perniagaan** sehingga 30 September 2020.



Maklumat lanjut: www.hasil.gov.my

Agensi peneraju:



Melonjakkan Perusahaan Sosial

OBJEKTIF

Menggalakkan aktiviti dan projek sosial berkaitan melalui padanan sumbangan

MANFAAT

Perusahaan Sosial berkaitan

KUANTUM

RM10 juta

JANGKAAN PELAKSANAAN

Bermula Ogos 2020

Bagi menggalak dan mengekalkan **peranan daripada perusahaan sosial**, Kerajaan akan menyediakan **geran padanan** melalui Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC) berjumlah **RM10juta** kepada perusahaan sosial yang berjaya mengumpul sumbangan untuk melaksanakan projek sosial bagi menangani isu yang dihadapi oleh komuniti melalui kaedah yang inovatif.



Maklumat lanjut: mymagic.my

Agensi peneraju:

Memacu Penubuhan Perniagaan Baharu

OBJEKTIF

Menggalakkan penubuhan perniagaan dan transaksi baharu dan peningkatan daya saing menerusi percantuman dan pemerolehan (M&A)

MANFAAT

Perniagaan baru dan PKS yang terlibat dalam M&A

KUANTUM

RM300 juta

JANGKAAN PELAKSANAAN

Bermula Julai 2020

Bagi melonjakkan **penubuhan entiti baharu** ini, bantuan kewangan disediakan dalam bentuk :-

- ▶ Rebat cukai sehingga **RM20 ribu setahun** selama tiga tahun taksiran untuk menggalakkan penubuhan PKS baharu
- ▶ **Pengecualian duti setem** ke atas surat cara berkaitan percantuman dan pemerolehan (M&A) bagi transaksi yang disempurnakan antara 1 Julai 2020 sehingga 30 Jun 2021



Maklumat lanjut: www.hasil.gov.my

Agensi peneraju:



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

Merangsang Ekonomi





COVID-19 telah mengubah selamanya cara ekonomi Malaysia beroperasi. Dengan disrupsi kepada rantai bekalan global, perubahan tabiat penggunaan, dan cara pengoperasian yang baharu memberi impak kepada proses perniagaan, ekonomi Malaysia perlu disusun dan diselaraskan semula dalam norma baharu ini.

Walaupun KDNK negara mencatatkan pertumbuhan pada kadar 0.7% pada suku pertama 2020, namun, adalah dijangka bahawa kadar pertumbuhan bagi tahun 2020 kemungkinan serendah -4.7%. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengurangkan penguncupan ekonomi dan Pakej PRIHATIN dijangka menyumbang 2.8% kepada pertumbuhan GDP. Namun, usaha perlu ditingkatkan untuk menambahbaik dan merangsang ekonomi, serta membolehkannya pulih menjelang tahun 2021 dan seterusnya. Dengan agensi antarabangsa mengunjurkan pertumbuhan KDNK negara antara 4.7% hingga 9%, pandangan yang positif ini masih tertakluk kepada situasi kesihatan awam yang terkawal.

PENJANA adalah isyarat kita kepada dunia bahawa ekonomi Negara telah bersedia untuk pemulihan. Pemulihan ekonomi

adalah bergantung kepada permintaan Rakyat dan perniagaan yang bersaling kait, serta mewujudkan kitaran sosial dan ekonomi yang saling memanfaatkan. Malaysia perlu mencari dan menggunakan sebaik mungkin peluang-peluang di dalam ekonomi norma baharu ini, terutamanya dalam ruang digital, bagi membentuk kelebihan persaingannya. Pelabur perlu diingatkan mengapa Malaysia merupakan negara paling mudah menjalankan perniagaan yang ke-12 di dunia dan yang ke-3 di Asia Pasific. Inilah masanya Malaysia mempromosi diri sebagai destinasi perniagaan.

Memandangkan beberapa sektor ekonomi lebih terkesan daripada yang lain – termasuk pelancongan, seni, budaya, hiburan dan pertanian – PENJANA akan menyediakan sokongan sektoral dan sistemik yang bersasar untuk membantu sektor-sektor tersebut dalam mengadaptasi dan tumbuh dalam landskap pengoperasian norma baharu. Tambahan juga, dengan inisiatif-inisiatif untuk mendorong penggunaan produk dan perkhidmatan tempatan, PENJANA akan membolehkan ekonomi Malaysia melalui kalibrasi semula, dan melonjak ke arah pemulihan.

Dana PENJANA Nasional

OBJEKTIF

Menggalakkan pelaburan antarabangsa ke pasaran modal teroka tempatan untuk menyokong usaha pendigitalan perniagaan tempatan

MANFAAT

Syarikat pemula dan dana modal teroka tempatan

KUANTUM

RM1.2 bilion (RM 600 juta sumber domestik)

JANGKAAN PELAKSANAAN

Mulai Julai 2020

Bagi memacu pemulihan ekonomi negara melalui proses digitalisasi perniagaan, Kerajaan akan menubuhkan Dana Penjana Nasional dengan peruntukan RM600 juta untuk memupuk inovasi dan mengembangkan bakat modal teroka tempatan. Dana ini akan dipadankan dengan nilai yang sama oleh pelabur domestik dan antarabangsa

Antara pelabur antarabangsa yang akan turut serta termasuklah SK Group, Hanwha Asset Management, KB Investment Co. Ltd, Provident Growth, 500 Startups dan The Hive.



Maklumat lanjut: www.penjana.treasury.gov.my

Agensi peneraju:



KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA

National Technology and Innovation Sandbox

OBJEKTIF

Menggalakkan pengembangan inovasi dan kreativiti yang dapat memangkin pendigitalan penawaran perkhidmatan

MANFAAT

Syarikat pemula

KUANTUM

RM100 juta

JANGKAAN PELAKSANAAN

Mulai Jun 2020

National Technology and Innovation Sandbox akan diwujudkan bertujuan untuk:

- ▶ menerajui ciptaan **penyelesaian teknologi baru**
- ▶ melaksanakan **kelonggaran peraturan** untuk menguji cuba teknologi baharu (seperti penghantaran melalui dron dan kenderaan pandu sendiri)

Maklumat lanjut: mymagic.my



Agensi peneraju:



KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI
DAN INOVASI MALAYSIA



TECHNOLOGY PARK
MALAYSIA



Pendigitalan Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan

OBJEKTIF

Meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kerajaan ke arah pengamalan norma baharu dan penjarakan sosial

MANFAAT

Orang awam

KUANTUM

RM20 juta

JANGKAAN PELAKSANAAN

Mulai Jun 2020

Merencanakan **pendigitalan penyampaian perkhidmatan kerajaan** untuk mengurangkan transaksi secara fizikal. Antara lain, langkah-langkah ini termasuk:

- ▶ Taksiran dan bayaran duti setem
- ▶ Wang Tidak Dituntut
- ▶ Temuduga dalam talian untuk mendapatkan biasiswa kerajaan

Hackathon untuk mengumpulkan idea penyelesaian bagi pendigitalan masa depan



Maklumat lanjut: www.penjana.treasury.gov.my

Agensi peneraju:



dengan kerjasama:



Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia

OBJEKTIF

Menggalakkan penggunaan barang dan perkhidmatan buatan Malaysia

MANFAAT

Peniaga tempatan

KUANTUM

RM20 juta

JANGKAAN PELAKSANAAN

Mulai Jun 2020

Menggalakkan **penggunaan barangan dan perkhidmatan tempatan** melalui:

- ▶ Kempen "Beli Malaysia" oleh Kerajaan dan agensi berkaitan
- ▶ Mewajibkan penandaan barang buatan tempatan bagi rangkaian pasaraya
- ▶ Mewujudkan saluran khusus untuk produk Malaysia di platform e-dagang utama



Maklumat lanjut: kpdnhep.gov.my

Agensi peneraju:



KEMENTERIAN PERDAGANGAN
DALAM NEGERI DAN
HAL EHWAL PENGGUNA

ePENJANA

OBJEKTIF

Menggalakkan penggunaan e-dompot yang memudahcara penjarakan sosial untuk menjaga keselamatan pengguna disamping menggalakkan perbelanjaan pengguna

MANFAAT

15 juta rakyat Malaysia

KUANTUM

RM750 juta

JANGKAAN PELAKSANAAN

Julai sehingga September 2020

Memupuk penggunaan e-dompot di kalangan rakyat Malaysia melalui:

- ▶ Kredit e-dompot bernilai **RM50**
- ▶ Tawaran tambahan oleh pembekal perkhidmatan e-dompot sebanyak RM50 melalui baucar discount dan kredit tambahan melalui cashback
- ▶ Kredit hanya boleh digunakan untuk pembelian secara fizikal di kedai dan bukan perkhidmatan dalam talian

Manfaat ini boleh dinikmati oleh semua rakyat Malaysia berumur **18 tahun ke atas** yang berpendapatan kurang daripada **RM100,000 setahun**



Maklumat lanjut: www.penjana.treasury.gov.my

Agensi peneraju:



KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA

Insentif bagi Sektor Hartanah

OBJEKTIF

Merancakkan pasaran hartanah melalui pengecualian cukai kepada pembeli rumah

MANFAAT

Pemilik dan pembeli rumah, pemaju hartanah dan sektor pembinaan

KUANTUM

RM1 billion

JANGKAAN PELAKSANAAN

Mulai Jun 2020

Insentif cukai bagi pembelian harta tanah adalah seperti berikut:

- ▶ **Kempen Pemilikan Rumah (HOC)** akan diperkenalkan semula:
 - Pengecualian duti setem akan diberikan ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi pembelian rumah kediaman yang bernilai melebihi RM300,000 hingga RM2.5 juta. Pengecualian duti setem ini adalah terhad kepada RM1 juta pertama nilai rumah kediaman tersebut. Pengecualian ini akan berkuatkuasa mulai 1 Jun 2020 hingga 31 Mei 2021 tertakluk kepada syarat pemberian diskaun sekurang-kurangnya 10% oleh pihak pemaju
- ▶ **Pengecualian Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT)** diberikan kepada individu warganegara Malaysia ke atas pelupusan rumah kediaman yang dibuat mulai 1 Jun 2020 sehingga 31 Disember 2021. Pengecualian ini dihadkan bagi pelupusan tiga (3) unit rumah kediaman sahaja
- ▶ Selain itu, had pembiayaan bagi pinjaman untuk pembelian rumah yang ketiga dan seterusnya bernilai RM600,000 ke atas, **tidak lagi tertakluk kepada 70% daripada nilai rumah**, semasa tempoh Program HOC, tertakluk kepada pengurusan risiko dalaman institusi kewangan



Maklumat lanjut: www.hasil.gov.my

Agensi peneraju:



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA



Insentif Cukai untuk Pembelian Kereta

OBJEKTIF

Merancakkan semula industri automotif negara serta mengurangkan beban kewangan

MANFAAT

Sektor automotif dan pengguna

KUANTUM

RM897 million

JANGKAAN PELAKSANAAN

Pertengahan Jun 2020
hingga akhir Disember 2020

Pengecualian cukai jualan sebanyak **100% ke atas penjualan kereta penumpang pemasangan tempatan** dan **50% bagi kereta penumpang import**



Maklumat lanjut: www.penjana.treasury.gov.my

Agensi peneraju:



Pelanjutan Waktu Perkhidmatan dalam Norma Baharu

OBJEKTIF

Memaksimumkan produktiviti dan pada masa yang sama mengekalkan SOP dan amalan terbaik norma baharu di tempat kerja

MANFAAT

Orang awam

KUANTUM

RM20 Juta

JANGKAAN PELAKSANAAN

Mulai pertengahan Jun 2020

Menggalakkan peralihan waktu bekerja 9 pagi hingga 5 petang ke arah **pelanjutan waktu bekerja baharu secara syif** melalui:

- ▶ Kerajaan akan menerajui **pelanjutan waktu operasi baharu** untuk Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Klinik Kesihatan. Ini akan melibatkan 5 agensi utama yang beroperasi di 22 UTC.
- ▶ Waktu operasi UTC adalah seperti berikut:
 - **Semenanjung**
Hari bekerja: 8 pagi - 9 malam
Hujung minggu: 8 pagi - 5 petang
 - **Sabah/ Sarawak**
Hari bekerja: 8 pagi - 5 petang
Hujung minggu: 10 pagi - 7 malam
- ▶ Agensi Kerajaan lain yang menyediakan perkhidmatan melalui kaunter untuk orang awam dan perniagaan turut digalakkan untuk melanjutkan waktu operasi mereka



Maklumat lanjut: www.utc.my

Agensi peneraju:



KERAJAAN MALAYSIA

Malaysia Sebagai Destinasi Pelaburan Pilihan

OBJEKTIF

Menarik minat syarikat luar negara untuk menempatkan perniagaan mereka di Malaysia

MANFAAT

Pelaburan asing

KUANTUM

RM50 juta

JANGKAAN PELAKSANAAN

Julai 2020 sehingga
Disember 2021

Insentif cukai bagi syarikat asing yang memindah operasinya di Malaysia:

- ▶ **Kadar cukai 0% selama 10 tahun** bagi syarikat yang membuat pelaburan harta tetap sebanyak **RM300 juta hingga RM500 juta**.
- ▶ **Kadar cukai 0% selama 15 tahun** bagi syarikat yang membuat pelaburan harta tetap sebanyak **RM500 juta ke atas**.
- ▶ Syarikat sedia ada di Malaysia yang membawa segmen atau aktiviti baharu ke Malaysia, layak mendapat **galakan elaun cukai pelaburan sebanyak 100% bagi tempoh 3 tahun**.
- ▶ Galakan Elaun Pelaburan Semula Khas (EPS Khas) diberi kepada aktiviti pembuatan dan pertanian mulai tahun taksiran 2020 hingga tahun taksiran 2021.
- ▶ Perbelanjaan operasi tambahan kepada MIDA untuk melaksanakan aktiviti promosi dan pemasaran.
- ▶ *Project Acceleration and Coordination Unit (PACU)* akan ditubuhkan di MIDA bagi mempercepatkan pelaksanaan serta penyelarasan projek.
- ▶ Penambahbaikan Dana Strategik Pelaburan Tempatan (DISF).
- ▶ Mempercepatkan kelulusan lesen pengilangan untuk industri yang tidak sensitif dalam masa dua hari bekerja

Maklumat lanjut: www.hasil.gov.my

Agensi peneraju:



Sokongan Sektor Pelancongan

OBJEKTIF

Membantu sektor pelancongan yang terjejas akibat COVID-19 melalui insentif cukai

MANFAAT
Sektor Pelancongan

KUANTUM
RM1.8 bilion

JANGKAAN PELAKSANAAN
Bermula Julai 2020

Insentif cukai bagi sektor pelancongan:

- ▶ **Pengecualian cukai pelancongan** mulai 1 Julai 2020 hingga 30 Jun 2021
- ▶ **Lanjutan pengecualian cukai perkhidmatan untuk hotel** sehingga 30 Jun 2021
- ▶ Lanjutan **pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM1,000** ke atas perbelanjaan melancong dalam negara sehingga 31 Disember 2021
- ▶ Lanjutan penangguhan bayaran ansuran ke atas anggaran cukai sehingga 31 Disember 2020.



Maklumat lanjut: www.hasil.gov.my

Agensi peneraju:



KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA



KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA MALAYSIA



DIRAJA



LHDN
MALAYSIA

Sokongan bagi Sektor Seni, Budaya dan Hiburan

OBJEKTIF

Menyokong penyesuaian norma baharu bagi sektor seni, budaya, hiburan dan industri pengurusan acara

MANFAAT

Sektor seni, budaya, hiburan dan industri penganjuran acara

KUANTUM

RM225 juta

JANGKAAN PELAKSANAAN

Mulai Jun 2020

Dana khas dan sokongan kepada sektor seni, budaya, hiburan, acara dan pameran seperti berikut:

- ▶ **RM100 juta pinjaman** mudah dengan faedah 3.5% dan RM30 juta geran untuk industri kreatif, acara dan pameran di bawah MyCreative Venture dan **RM10 juta** adalah di bawah CENDANA
- ▶ Pulangan nilai pemasaran digital sebanyak **RM50 juta** diperoleh dari RM10 juta bagi Geran Pemasaran Digital dan Promosi di bawah MyCreative Ventures dengan siling sebanyak RM5,000 bagi setiap acara. Ini akan memanfaatkan 2,000 acara, pameran dan produksi
- ▶ **RM35 juta** Dana Kandungan Digital melalui MDEC untuk membiayai projek sektor kreatif yang akan memberi fokus kepada inisiatif animasi dan visual
- ▶ Membantu industri kreatif untuk mengamalkan norma baharu dengan **menggalakkan kerjasama sektor awam dan swasta** untuk menyediakan latihan bagi kaedah pengedaran digital, pembangunan model perniagaan baharu dan kesalinghubungan



Maklumat lanjut: www.kkmm.gov.my

Agensi peneraju:



dengan kerjasama:



Sokongan Sektor Pertanian dan Makanan

OBJEKTIF

Menyediakan pembiayaan kewangan kepada industri pertanian dan makanan yang terjejas akibat COVID-19 dan PKP

MANFAAT

Sektor pertanian dan makanan

KUANTUM

RM400 juta

JANGKAAN PELAKSANAAN

Mulai Jun 2020

Bantuan khusus bagi sektor pertanian dan makanan seperti berikut:

- ▶ Skim Pembiayaan Mikro kredit di bawah Agrobank bagi usahawan agro (termasuk usahawan industri komoditi) bernilai **RM350 juta dengan kadar faedah 3.5%**
 - Nilai pinjaman maksimum: RM50,000 untuk setiap usahawan
 - Tempoh pinjaman: sehingga 5 tahun
- ▶ Insentif untuk memudahcara mobiliti tenaga kerja pertanian kepada syarikat perintis bagi melatih dan mengajar tenaga kerja untuk menceburi peluang dalam pertanian dan perladangan
- ▶ Memberi sumbangan *in-kind* bagi menyokong pertanian bandar (seperti benih, baja, infrastruktur, peralatan, khidmat nasihat dan latihan) bernilai RM500 bagi penerima individu dan RM50,000 bagi setiap komuniti



Maklumat lanjut: www.moa.gov.my • www.agrobank.com.my

Agensi peneraju:



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN
MALAYSIA



KEMENTERIAN PERUSAHAAN
PERLADANGAN DAN KOMODITI
MALAYSIA



Sokongan Sektor Komoditi

OBJEKTIF

Meringankan beban kewangan kepada industri komoditi

MANFAAT

Sektor komoditi

KUANTUM

RM200 juta

JANGKAAN PELAKSANAAN

Mulai Julai 2020

Membantu sektor komoditi melalui **pengecualian duti export sebanyak 100%** bermula 1 Julai 2020 sehingga 31 Disember 2020 bagi:

- ▶ Minyak sawit mentah
- ▶ Minyak sawit kernel mentah
- ▶ *Refined Bleached Deodorized Palm Kernel Oil*



Maklumat lanjut: www.penjana.treasury.gov.my

Agensi peneraju:



Rang Undang-Undang COVID-19 (Langkah Sementara)

OBJEKTIF

Mengurangkan impak negatif ke atas aktiviti ekonomi akibat pelanggaran terma kontrak dan penguatkuasaan tindakan insolvensi terhadap golongan yang terjejas akibat COVID-19 dan PKP

MANFAAT

Semua pihak yang berkaitan seperti pembuatan, penyewa dan sebagainya

JANGKAAN PELAKSANAAN

Akan dibentang dan dibahas dalam Sidang Parlimen pada Julai 2020

Menggubal **Rang Undang-Undang Langkah Sementara COVID-19** untuk meminimalkan gangguan terhadap kesejahteraan sosial dan ekonomi:

- ▶ **Langkah perundangan sementara** untuk meminimalkan impak pandemik
- ▶ Dirangka untuk menyediakan ruang yang secukupnya agar perniagaan dapat memulihkan operasi mereka. Rang Undang-Undang ini akan menawarkan **pelepasan daripada tindakan syarat kontrak dan beban kewangan** ke arah usaha pemulihan ekonomi



Maklumat lanjut: www.bheuu.gov.my

Agensi peneraju:



BAHAGIAN HAL ELWAL
UNDANG-UNDANG

Sukuk PRIHATIN

OBJEKTIF

Memberi peluang kepada rakyat untuk turut terlibat dalam langkah pemulihan ekonomi

MANFAAT

Kesalinghubungan di sekolah, perusahaan mikro (mensasarkan golongan usahawan wanita) dan sektor lain seperti sektor kesihatan

KUANTUM

Akan ditentukan semasa terbitan

JANGKAAN PELAKSANAAN

Diterbitkan pada suku ketiga 2020

Memberi peluang kepada rakyat untuk turut terlibat dalam langkah pemulihan ekonomi, Kementerian Kewangan akan menerbitkan **Sukuk PRIHATIN** dengan butiran berikut:

- ▶ Dijadualkan untuk terbitan pada suku ketiga, 2020, dengan proses langganan atas talian sepenuhnya
- ▶ Dana yang terkumpul akan disalurkan untuk **inisiatif pembangunan terpilih** termasuk membantu pembiayaan perniagaan perusahaan mikro (terutamanya usahawan wanita), penambahbaikan liputan internet di sekolah terutamanya di Kawasan luar bandar dan geran penyelidikan bagi penyakit berjangkit



Maklumat lanjut: www.penjana.treasury.gov.my

Agensi peneraju:



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA



www.treasury.gov.my